

Lelaki mencuri dari pasar raya dipenjarakan dan didenda

SIBU: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara empat bulan berserta denda RM1,000 atau penjara sebulan ke atas seorang lelaki yang mengaku bersalah mencuri sekotak pati ayam dari sebuah pasar raya di Sibu Jaya pada 2 Mei lepas.

Tertuduh, Duncan Lawrence, 28, turut dijatuhi hukuman penjara tiga bulan dan denda RM1,000 atau penjara sebulan oleh Majistret Romario Jono setelah mengaku bersalah mencuri dua tin susu tepung jenama Abbott Ensure dari sebuah farmasi.

Bagi pertuduhan pertama, Duncan didakwa mencuri sekotak pati ayam berharga RM79.90 dari sebuah pasar raya di Sibu Jaya pada 2 Mei 2026, jam 7.24 malam.

Fakta kes menyatakan pada hari kejadian, pengadu yang

juga penolong jurujual pasar raya telah menahan seorang lelaki iaitu tertuduh yang disyaki mengambil barang dari dalam pasar raya tanpa membuat sebarang pembayaran.

Ketika diperiksa, pengadu menjumpai sekotak pati ayam yang mengandungi 15 botol dalam beg sandang hitam yang dibawa oleh tertuduh dan kerugian dianggarkan RM79.90.

Bagi pertuduhan kedua, Duncan didakwa bersama seorang yang lain mencuri dua tin susu tepung jenama Abbott Ensure, dengan setiap satu berharga RM98.90 dan RM108 dari sebuah farmasi di Jalan Channel pada 1 Mei 2026, jam 5.30 petang.

Mengikut fakta kes, ketika pengadu sedang bertugas di farmasi pada hari kejadian,

seorang lelaki yang memakai topi keledar telah masuk lalu mengambil dua tin susu tepung Abbott Ensure Gold Vanilla dan Gold Wheat.

Pengadu kemudian membuat laporan polis dan pada 6 Mei 2026, jam 10.15 pagi, pihak polis telah menahan seorang lelaki iaitu tertuduh di Jalan Awang Ramli Amit.

Bagi kedua-dua pertuduhan ini, Duncan didakwa melakukan kesalahan yang dihukum di bawah Seksyen 380 Kanun Keseksan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun yang sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjarakan hingga 10 tahun dan juga denda sementara bagi kesalahan kali kedua dan seterusnya, hendaklah dipenjarakan dan juga denda atau sebatan.